

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan beberapa kajian yang membincangkan faktor berkaitan objektif kajian ini. Dalam bab ini juga menjelaskan faktor-faktor yang penting dalam pembacaan literatur yang merangkumi konsep sukarela, jenis aktiviti sukarelawan, kepentingan sukarelawan dakwah OKU dan latar belakang kitab Hadis 40. Selain itu, beberapa kajian lepas tentang kajian sukarelawan dan kesukarelawan khususnya dakwah terhadap OKU turut dibincangkan secara ringkas bagi melihat perbandingan kajian ini dengan kajian yang lalu. Diharapkan kajian literatur ini dapat membantu memahami latar belakang kajian yang dijalankan dengan lebih jelas.

#### 2.2 DEFINISI KONSEP

##### 2.2.1 SUKARELAWAN

Sukarelawan merupakan individu yang melakukan sesuatu dengan sukarela. Kebiasaannya mereka terdiri daripada kalangan individu yang ingin memberikan khidmat mereka kepada golongan tertentu dan tidak memerlukan kelayakan tertentu. Dalam firman Allah SWT surah al-Kahf ayat 94-95 yang memberikan contoh perbuatan secara sukarela yang baik iaitu;

قَالُوا يَا ذَا الْقُرْنَيْنِ إِنَّ يَا جُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ۗ قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ۗ

Maksudnya : Mereka berkata: "wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?"(94). Dia menjawab: "(kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadikan daku menguasainya, lebih baik (dari bayaran kamu); oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh (95).

Dalam surah al-Kahf ayat 94-95 ini, Allah SWT dengan jelas memberikan pengajaran dan contoh yang baik dalam perbuatan secara sukarela yang sejati melalui teladan Zulkarnain. Dalam konteks kajian pula ia memberikan gambaran yang jelas tentang makna sukarelawan yang ingin dibawa dalam kajian ini. Di samping itu, faktor demografi juga memberi kesan kepada pemaknaan sukarelawan yang sering dikaitkan dengan perbezaan tingkahlaku kesukarelawanan individu ialah faktor umur, gender, tahap pendidikan, status perkahwinan, bangsa, ciri keluarga, status sosioekonomi, status pekerjaan dan pengalaman penglibatan lampau dalam aktiviti kesukarelawanan (Nurul Ashidah, 2015; Institute For Volunteering Research, 2013; Mesch et al., 2006; Taniguchi, 2006).

Dari sudut pandangan takrifan lain sukarelawan adalah pengkelasan kerja sukarela formal, tidak formal, bergantung kepada tempat aktiviti, dikendalikan oleh sesebuah organisasi (Noornajihan et al., 2022; Angermann & Sittermann, 2010). Ironinya sukarelawan mempunyai sifat kesukarelawanan dalam segala hal berkaitan dengan aktiviti memberi, tolong menolong, ringan tulang dan saling membantu tanpa mengharapkan ganjaran secara spesifik dan tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Sukarelawan merupakan seseorang yang mempunyai minat mendalam terhadap aktiviti yang bertujuan membantu orang lain dan terlibat secara fizikal dan langsung dalam program-program kesukarelawanan. Mereka biasanya tidak mengharapkan ganjaran tetapi melakukan setiap aktiviti kesukarelawanan dengan ikhlas untuk memenuhi suatu hasrat yang hanya difahami oleh mereka sendiri serta untuk mendapatkan kepuasan diri secara individu (Nurul Ashidah, 2015; Sardinha et al., 2011).

Sukarela amnya boleh digambarkan sebagai perbuatan memberi tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Sukarela boleh dikategorikan dalam empat cara, iaitu: bantuan bersama atau bantu diri, kedermawanan atau perkhidmatan kepada orang lain, penyertaan sivik, dan advokasi atau berkempen (Huiting Wu, 2016). Sejarah sukarelawanan di Malaysia tidak banyak berbeza dengan masyarakat di negara luar. Kesukarelawanan bukan satu fenomena baharu dalam masyarakat di mana kewujudannya bermula sejak dari pembinaan tamadun dan pembentukan masyarakat (Azizan, 2016; Aishah Nadirah & Tajul Arifin, 2013). Ia bermula dengan individu yang memberi khidmat kepada agama, pemurah dan suka beramal. Hal ini terjadi berdasarkan tindak balas terhadap berlakunya sesuatu tragedi kemanusiaan akibat peperangan, krisis ekonomi, konflik politik dan sebagainya.

Tiga ciri asas dapat dikenalpasti untuk menentukan kesukarelaan. Pertama, kerja tersebut tidak dilakukan dengan matlamat untuk mendapatkan balasan kewangan. Bagaimanapun, gantian (*reimbursement*) bagi perbelanjaan yang diperlukan dan sedikit bayaran saguhati (*token*) adalah dibenarkan. Kedua, kerja tersebut hendaklah dilaksanakan secara sukarela iaitu mengikut kerelaan individu yang terlibat. Dan ketiga, kerja tersebut hendaklah terlebih dahulu mendatangkan manfaat kepada kelompok masyarakat yang dibantu berbanding sukarelawan itu sendiri. Bagaimanapun, hakikat bahawa kesukarelaan juga mungkin mendatangkan manfaat yang signifikan terhadap sukarelawan itu sendiri (Nurul Ashidah, 2015; Azizan Bahari, 2009). Hal ini memberi pengajaran serta pengalaman yang baik kepada sukarelawan melalui aktiviti sukarelawan yang diceburi.

Seseorang yang melibatkan diri dalam kesukarelawan adalah mereka yang mempunyai keprihatinan sosial, semangat juang yang tinggi, cintakan alam sejagat dan sanggup berkorban untuk kebaikan dan kebajikan orang lain (Norehan 2018; Azizan Bahari, 2016). Antara ciri yang perlu ada pada mereka yang terlibat dalam kerja sukarelawan ialah mempunyai keimanan yang teguh dan memelihara taqwa kepada Allah S.W.T. Ciri ini akan menjadi sumber kekuatan dalaman dan rangsangan rohani kepada individu terlibat untuk melakukan kerja- kerja sukarelawan dengan penuh rela hati. Nabi ﷺ sendiri telah menggesa umatnya untuk sentiasa bertaqwa dalam sabdanya: "Bertaqwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada" (HR. Imam Tirmizi). Ciri lain yang perlu disemai dalam individu sukarelawan ialah mempunyai akhlak mulia, nilai-nilai kerohanian tinggi yang dapat menjadi landasan dalam merangsang dan melaksanakan kerja- kerja kebajikan. Ini akan membenihkan rasa tanggungjawab untuk membantu masyarakat dan individu lain.

### 2.2.2 KESUKARELAWANAN

Konsep perkhidmatan dan perkongsian, proses pendidikan atau pembelajaran serta penglibatan aktif dalam menangani isu dan hal-ehwal masyarakat sentiasa dikaitkan dengan elemen kesukarelawan (Tuan Pah Rokiah et al., 2016; Azizan Bahari, 2016). Perkara ini dilihat melalui bantuan yang dihulurkan oleh individu dengan rela hati tanpa ada unsur paksaan dan mereka membantu walaupun tiada kewajipan atau obligasi untuk

membantu. Seterusnya Zamfir et al. (2014) mendefinisikan kesukarelawan sebagai sebarang aktiviti yang melibatkan sumbangan masa secara percuma yang dilakukan oleh individu bertujuan memberi faedah dan manfaat kepada orang lain, kumpulan atau organisasi. Ia adalah tingkahlaku membantu yang lebih luas dari bantuan yang diberikan secara spontan seperti membantu orang buta melintas jalan atau membantu mangsa kemalangan jalanraya.

Kesukarelawan diidentifikasi sebagai penglibatan aktiviti seseorang yang dilakukan secara percuma atau dikenali juga sebagai bekerja tanpa gaji untuk memenuhi keperluan sosial orang lain. Ia adalah sejenis tingkahlaku prososial yang didorong oleh motif kesukarelawan seseorang untuk membantu orang yang tidak dikenali dalam jangka masa yang panjang secara terancang (Nurul Ashidah, 2015). Komuniti yang prihatin ini bukan sahaja menderma wang atau menyumbang beberapa jam dari waktu mereka untuk melakukan kerja-kerja kebajikan malah mereka merupakan aktivis sosial dalam menyumbang usaha memperbaiki keadaan hidup orang lain atau menyediakan sokongan peribadi mahupun psikologi secara sukarela kepada golongan yang memerlukan.

Selain itu, kajian Tuan Pah Rokiah et al. (2016) ada mengenengahkan enam ciri kesukarelawan iaitu nilai, pemahaman, sosial, kerjaya, perlindungan dan peningkatan atau pembaikan. Azrina Mazlin dan Balakrishnan (2016) merumuskan bahawa penglibatan belia dalam kesukarelawan memberi impak terbaik daripada aspek pembentukan personaliti, keperibadian, jati diri, nilai, kepercayaan serta motivasi dan menjadikan mereka sebagai uswah terbaik kepada belia lain serta menjadi agen sosial terbaik dalam membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dalam membaik pulih prasarana akibat perbuatan dan tabiat buruk belia.

Di samping itu, kesan kesukarelawan memberi penajaman kemahiran, sosialisasi dan keseronokan apabila bersama sesuatu pihak lain. Bagi Tuan Pah Rokiah et al. (2016) kesukarelawan yang sebenar seharusnya merasa gembira dapat membantu, menyediakan sumbangan dan menghulurkan bantuan kepada seseorang atau pihak lain walaupun tanpa ganjaran berbentuk nyata atau tidak nyata. Walau bagaimanapun, (Syafiq Sham et al., 2021; Normah et al., 2019; Tuan Pah Rokiah et al., 2016; Azizan Bahari, 2003; Musick & Wilson, 2003) berpendapat kesukarelawan pula merupakan suatu konsep kerja atau khidmat secara sukarela iaitu seseorang yang menyumbang bakti

dengan rela hati tanpa paksaan atau mempunyai niat ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran kebendaan.

Walau bagaimanapun, timbul kecelaruan dan kekeliruan dalam memberi takrifan kesukarelawanan. Perbincangan mengenai takrifan kesukarelawanan bermula sejak tahun 1970-an lagi dan kesannya kini terdapat pelbagai takrifan telah diberikan oleh penyelidik. Takrifan kesukarelawanan yang tidak seragam ini disebabkan perbezaan perspektif dalam kalangan penyelidik dan sukar untuk dielakkan (Normah & Ain Zahirah, 2021; Azizan, 2016). Hal ini dilihat takrif atau konsep bukan sesuatu yang muktamad kerana takrifan yang diberikan dipengaruhi oleh pemikiran dan tindakan individu yang berpengaruh dan berkepentingan tertentu dalam kesukarelawanan. Selain itu, limitasi pembacaan dan penghayatan berkaitan takrif sukarelawanan juga turut memberi kesan kepada pembentukan makna kesukarelawanan.

Revolusi takrifan bermula apabila kesukarelawanan difahami sebagai suatu kegiatan yang dilakukan dengan tujuan atau niat yang baik tanpa mengharapkan balasan kewangan. Selepas tahun 1970-an, elemen tidak berbayar (*unpaid*) dan tiada paksaan (*uncoercive*) telah dikemukakan (Azizan, 2016). Oleh yang demikian, pemurnian terhadap takrifan kesukarelawanan mula dibincangkan pada tahun 1980 melalui Ivan Scheider dengan memperkenalkan idea 'relatif bukan terpaksa' (*relatively un-coerced*) serta konsep 'kerja bukan permainan' (*work, not play*). Menurut Ivan Scheider, idea 'relatif bukan terpaksa' menunjukkan keputusan individu untuk terlibat dalam kerja tidak berbayar ditentukan oleh mereka sendiri serta konsep 'kerja bukan permainan' pula merujuk kepada tindakan atau kegiatan yang dilakukan secara sedar, terancang serta bersungguh-sungguh dan bukannya dilakukan secara sambil lewa (Normah & Ain Zahirah, 2021; Azizan, 2016). Walaupun pelbagai idea atau istilah wujud dalam mentakrifkan konsep kesukarelawanan, istilah *volunteerism* banyak digunakan oleh penyelidik dalam membincangkan kesukarelawanan dalam skop yang menyeluruh.

### **2.3 JENIS-JENIS AKTIVITI KESUKARELAWAN**

Kerja sukarela adalah melibatkan penyertaan sukarelawan dalam sesuatu aktiviti bersama masyarakat mahupun komuniti. Terdapat pelbagai jenis aktiviti sukarelawan antaranya bantuan sendiri, kedermawanan atau bakti pada orang lain, partisipasi iaitu kegiatan sivik

dan advokasi atau berkempen (Nurul Ashidah, 2015; Saifuddin Abdullah, 2011). Beberapa kajian lepas yang telah dijalankan membahaskan antara faktor-faktor pendorong individu melibatkan diri dalam aktiviti sukarela adalah faktor ingin membantu, mencari pengalaman, bersosial dengan masyarakat, serta mengisi masa hujung minggu dengan aktiviti yang bersifat kebajikan (Noornajihan et al., 2022). Begitu juga dengan faktor dalaman dalam diri individu tersebut seperti rasa empati yang tinggi, pengaruh keluarga dan keinginan untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan mendorong seseorang itu terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Sebagai seorang muslim menjadi faktor utama untuk bantu-membantu golongan yang kurang berupaya khususnya orang yang beragama Islam.

Allah berfirman dalam Quran dalam surah ar-Rum ayat 54 :

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ﴾

Maksudnya : *Allah lah yang Menciptakan kamu daripada keadaan lemah, kemudian Dia Menjadikan (kamu) setelah keadaan lemah itu menjadi kuat, kemudian Dia menjadikan (kamu) setelah kuat itu lemah (kembali) dan beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan Dialah yang Mengetahui lagi Maha kuasa.*

Di dalam Tafsir Ibnu Kathir (1994) menerangkan bahawa Allah SWT mengingatkan tentang proses penciptaan manusia tentang proses dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Dia berasal dari tanah, kemudian berupa *nuthfah* (air mani), kemudian menjadi segumpal darah, kemudian membentuk menjadi segumpal daging, kemudian menjadi tulang yang kemudian dibalut dengan daging dan ditiupkan roh ke dalamnya. Kemudian, dia keluar dari perut ibunya dalam keadaan *dha'if* dan kecil, kemudian membesar sedikit demi sedikit. Sehingga itu, dia menjadi bayi, kemudian kanak-kanak, kemudian baligh, kemudian menjadi pemuda, itulah kekuatan setelah kelemahan. Justeru, ayat di atas bukan bermaksud keadaan lemah menjadi alasan buat manusia tidak melakukan sesuatu, tetapi seharusnya apabila manusia menyedari kelemahan diri, seharusnya kita berusaha mencari sumber kekuatan bagi memperbaiki diri dan membantu sesama sendiri untuk membentuk kehidupan yang harmoni. Oleh itu, pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan

Dakwah OKU ini menjadi salah satu usaha dalam memperbaiki dan mengoptimalkan keupayaan manusia membantu sesama sendiri.

Menurut Nurul Ashidah (2015) dan Saifuddin Abdullah (2011) terdapat empat bentuk kerja atau program sukarelawan, iaitu: bantuan sendiri (*self-help* atau *mutual aid*), kedermawanan (*philanthropy*) atau bakti pada orang lain, partisipasi atau kegiatan sivik, dan advokasi atau berkempen.

**i) Bantuan sendiri**

Bantuan sendiri bermaksud bentuk-bentuk usaha terhadap kebolehan individu, perkara yang berlaku pada diri individu dan perkara yang akan berlaku pada diri individu tersebut (Ramli, J., 2014). Bantuan sendiri merupakan sistem bantuan sosial dan ekonomi yang utama di kebanyakan negara-negara sedang membangun. Bermula dengan perhubungan tidak formal kepada kumpulan keluarga, kerja dan program sukarelawan telah berkembang menjadi kerja-kerja dan program-program kebajikan masyarakat yang lebih formal. Bentuk kerja ini memainkan peranan yang penting di negara-negara perindustrian, terutamanya dari segi bantuan dalam bidang kesihatan dan kebajikan masyarakat di mana banyak organisasi telah ditubuhkan untuk membantu mereka yang memerlukan. Dalam konteks kajian ini, bentuk sendiri ini juga dapat melatih individu sukarelawan bersifat bertanggungjawab, prihatin yang tinggi serta belajar cara hidup berdikari serta sentiasa membantu orang dalam kesusahan (Nurul Ashidah, 2015).

**ii) Kedermawanan atau bakti kepada orang lain**

Kedermawanan merupakan perihal dermawan, kemurahan iaitu keikhlasan hati dan ketulusan hati dalam membantu sesama manusia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dalam konteks kajian sukarelawan dakwah OKU ini, kedermawanan atau bakti kepada orang lain adalah berbeza dengan jenis bantuan sendiri kerana penerima manfaatnya bukanlah diri atau ahli kumpulan itu sendiri, tetapi adalah pihak yang ketiga. Jenis kesukarelawan ini lazimnya berlaku dalam organisasi sukarelawan, walaupun di sesetengah negara terdapat tradisi kesukarelawan yang kuat dalam sektor awam dan terdapat minat yang semakin bertambah dalam sektor perniagaan. Begitu juga tradisi di mana sukarelawan dihantar dari sesebuah negara ke negara yang lain untuk menawarkan bantuan pembangunan dan kemanusiaan. Dalam keadaan tertentu, terdapat pula individu tertentu, biasanya yang kaya dan berharta, yang menderma wang atau hartanya secara

sukarela. Contohnya seperti misi bantuan kemanusiaan di Syria, Palestin, India, Indonesia dan negara-negara lain yang mengalami bencana alam, peperangan dan sebagainya (Nurul Ashidah, 2015).

### **iii) Partisipasi**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), partisipasi ialah perihal atau perbuatan ikut serta dalam sesuatu kegiatan serta tindakan itu memerlukan penglibatan oleh semua lapisan masyarakat. Maka, partisipasi di sini merujuk peranan yang dimainkan oleh individu-individu dalam proses tadbir urus iaitu melalui penghakupayaan (*empowerment*), perundingan dan perwakilan. Ia terdapat di seluruh dunia, namun ia lebih berkembang di negara-negara yang mempunyai tradisi kesedaran dan kegiatan sivik yang tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat banyak kritikan yang melihat bahawa banyak yang dianggap sebagai partisipasi itu sebenarnya hanyalah sekadar retorik atau cara untuk menjustifikasikan keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak lain sahaja. Namun sejak mutakhir ini, partisipasi mulai diiktiraf sebagai komponen penting dalam sesebuah tadbir urus yang baik (*good governance*). Dalam konteks kajian ini, partisipasi yang baik akan menjadi salah satu komponen penting bagi membantu sukarelawan menjalankan aktiviti kesukarelawanan.

### **iv) Advokasi**

Advokasi atau berkempen ialah sesuatu yang digerakkan oleh sukarelawan, yang biasanya digelar aktivis, misalnya melobi kerajaan untuk membuat atau meminda sesuatu undang-undang. Kesukarelawanan telah membuka jalan untuk diperkenalkan perkhidmatan kebajikan yang baru dalam kesedaran tentang HIV/AIDS, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang hak asasi manusia dan pencemaran alam sekitar, mengaktifkan gerakan belia dan wanita dan sebagainya. Sesetengah kempen adalah bersifat tempatan, manakala terdapat juga yang bersifat global. Aktiviti yang dijalankan seringkali mendapat liputan media massa seperti media elektronik, laman sosial dan media cetak.

Manakala menurut Nur Raihan dan Azizan Asmuni (2013) terdapat lapan jenis aktiviti kesukarelawanan iaitu pertama aktiviti yang bersifat keagamaan; kedua bersifat pembangunan belia; ketiga bersifat perkhidmatan komuniti dan sosial; keempat bersifat kebudayaan; kesenian dan pendidikan; kelima bersifat kesihatan dan kajian kesihatan awam; keenam keselamatan awam dan sivik; ketujuh bersifat aktiviti penyokong dan

akhir sekali kelapan bersifat sukan dan hobi. Pandangan yang lain pula dinyatakan oleh Nurul Ashidah (2015), jenis-jenis aktiviti kesukarelawanan yang antaranya yang pertama adalah aktiviti khidmat seperti mengurangkan kesengsaraan, kesusahan seseorang dan untuk memajukan kualiti hidup mereka yang dikenalpasti sebagai memerlukan khidmat tersebut, kedua aktiviti bantu sendiri bertujuan untuk pemajuan mereka yang berkongsi minat, perspektif dan pengalaman hidup yang sama atau serupa dan jenis aktiviti ketiga pula ialah akar umbi bertujuan untuk memberi penjelasan dan dorongan serta kepentingan masyarakat pada peringkat sosio-politik tempatan.

Secara kesimpulannya, penyelidik telah meneroka jenis-jenis aktiviti kesukarelawanan berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nur Raihan dan Azizan Asmuni (2013) dan Nurul Ashidah (2015) bagi membantu kajian. Pandangan ini dapat membantu penyelidik lebih memahami subjek kajian dengan lebih terperinci. Jenis-jenis aktiviti kesukarelawanan diatas berdasarkan kepelbagaian corak dari semua aspek seperti sosial, ekonomi, politik, agama, kesenian dan sukan yang turut menawarkan aktiviti kesukarelawanan.

#### **2.4 KEPENTINGAN SUKARELAWAN DAKWAH OKU**

Umum mengetahui bahawa sukarelawan merupakan tugas yang amat mulia bukan sahaja dari aspek kemanusiaan tetapi dari perspektif nilai keagamaan. Ia amat selari dengan saranan agama khususnya Islam yang menjadikan umat Nabi Muhammad ﷺ sebagai sebaik-baik umat sebagaimana terdapat pada firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.

Sukarelawan selalunya membuat kerja-kerja kesukarelawanan tanpa ada arahan daripada mana-mana pihak. Sering terjadi, sukarelawan kadang kala perlu mengorbankan pelbagai ehwal kepentingan sendiri dan mendahulukan keperluan dan kebahagiaan orang lain.

Mereka bukan sahaja berkorban tenaga untuk orang lain, tetapi juga masa dan wang ringgit untuk melaksanakan misi-misi kemanusiaan yang dijalankan (Noor Raha & Wan Syariza, 2020).

Di Malaysia, pelbagai unit sukarelawan dakwah tumbuh merata dan biasanya diwujudkan untuk menyokong usaha-usaha dakwah bagi sesebuah institusi agama mahupun organisasi dakwah Islam. Antaranya adalah sukarelawan dakwah yang terdapat di bawah pantauan jabatan-jabatan agama misalnya sukarelawan dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Terdapat juga sukarelawan dakwah di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Rakan Hidayah di bawah Hidayah Foundation Centre. Namun, dalam konteks kajian ini, secara khususnya, "Sukarelawan Dakwah OKU" pula boleh didefinisikan sebagai individu atau kumpulan individu yang terlibat secara langsung di dalam aktiviti kesukarelawanan yang memfokuskan untuk menyebarkan dakwah Islam secara langsung dan tidak langsung kepada komuniti OKU dengan melibatkan pelbagai kategori OKU. Kumpulan sukarelawan ini sentiasa siap siaga untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dan program-program dakwah yang memberi peluang kepada komuniti OKU untuk sama merasai nikmat iman dan Islam sebagaimana umat Islam tipikal yang lain (Desi Suryani & Norakyairee, 2017).

Kegiatan dakwah dan aktivisme juga amat dititikberatkan dengan tujuan ke arah transisi sosial masyarakat secara syumul tidak kira di peringkat individu, keluarga dan masyarakat termasuklah komuniti OKU. Usaha mulia ini juga berupaya membentuk sifat kepedulian dan empati yang tinggi terhadap keperluan dan keadaan sukar yang dihadapi orang lain. Antara suruhan Allah kepada hamba-hambanya adalah untuk saling menolong sebagaimana terpatir di dalam firmanNya surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud: *"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)"*.

Keutamaan dalam membangunkan masyarakat yang berilmu pengetahuan juga merupakan asas yang menyumbang kepada pembentukan masyarakat Rabbani. Syiar ini dapat dilihat melalui penegasan di dalam hadis Nabi ﷺ tentang kelebihan orang yang berilmu bermaksud: "Sesiapa berjalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan membimbingnya jalan ke syurga. Sesungguhnya orang yang berilmu itu dimohon

keampunan oleh makhluk di langit dan di bumi, termasuk ikan di laut dan sesungguhnya ulama itu adalah pewaris Nabi ﷺ." (HR. Abu Daud dan Tirmizi). Bahkan, ia juga bertepatan dengan surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud: "Allah meninggikan darjat orang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat." Inilah kekuatan fundamental yang menjadi teras ummah Rabbani.

## 2.5 LATAR BELAKANG KITAB HADIS 40 DAN PENULIS

Kitab Hadis 40 Imam Nawawi adalah sebuah kitab yang mengandungi kumpulan hadis yang sangat masyhur dalam kalangan masyarakat muslim seluruh dunia. Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang mempunyai pelbagai bentuk dan metodologi yang digunakan didapati terus berkembang sehingga hari ini serta diakui terdapat banyak institusi pengajian moden mahupun tradisional mempelajari kitab tersebut.

Rosni Wazir et al. 2020 menyatakan bahawa telah diketahui umum karya *Al-Arba'in* (Hadis 40) yang paling terkenal adalah *al-Arba'in al-Nawawiyyah* iaitu karya Imam Nawawi, namun jelas sekali bahawa beliau bukanlah orang yang pertama melakukannya. Memetik kata-kata Imam Nawawi sendiri di dalam mukaddimahnyanya :

Para ulama yang telah menyusun kitab *al-Arba'in* tidak terkira ramainya. Orang yang pertama di dalam pengetahuan saya yang memulakannya adalah Abdullah bin Mubarak *rahimahullah*. Beliau kemudiannya diikuti oleh ramai lagi ulama-ulama yang lain seperti Muhammad bin Aslam al-Tusi, al-Hasan bin Sufyan al-Nasa'i, Abu Bakar al-Ajuri, Abu Bakar Muhammad bin Ibrahim al-Asfahani, al-Daraqutni, al-Hakim, Abu Nu'aim al-Asfahani, Abu 'Abd al-Rahman al-Salmi Abu Sa'id al-Maliki, Abu Uthman al-Sabuni, Muhammad bin Abdullah al-Ansari, Abu Bakar al-Baihaqi dan ramai lagi. Di kalangan mereka ini ada yang mengumpulkan 40 hadis berkaitan *usul al-din, furu' al-din*, jihad, zuhud, adab dan ada pula tentang khutbah-khutbah. Kesemuanya mempunyai niat yang baik dan semoga Allah SWT meredai mereka semua.

Kitab Hadis 40 Imam Nawawi diawali dengan mukaddimah dari Imam Nawawi, kemudian tiap-tiap hadis dibuatkan tema tersendiri untuk lebih memperjelas makna-makna lafaz hadis tersebut yang masih samar. Susunan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang ringkas dan padat, membuatkan kitab ini mudah untuk dikaji dan dihafal. Hal inilah

yang memudahkan kitab ini untuk dijadikan kajian dan rujukan dalam kalangan umat Islam. Secara ringkasnya, kitab Hadis 40 menjadi pilihan dan masyhur dalam kalangan masyarakat muslim atas beberapa faktor:

- a) Penulis kitab ini memilih hadis-hadis yang ringkas dan padat berisi tentang perkara-perkara asas agama Islam (Al-Bugha, M. D., & Mistu, M., 2017).
- b) Bilangan yang sederhana ini adalah sesuai dan mudah untuk diterima oleh golongan yang masih muda atau baru berjinak dengan hadis Nabi Muhammad ﷺ (Rosni Wazir et al., 2020).
- c) Ia ringkas, senang untuk dihafaz dan sesuai untuk dijadikan bahan-bahan pengajaran, tazkirah dan kuliah. Karya ini selalunya datang dengan saiz yang kecil dan sederhana sehingga boleh dianggap sebagai mesra pembaca (Norillah Abdullah et al., 2021).
- c) Kitab Hadis 40 juga adalah satu bentuk himpunan ilmu yang terhad dan terkumpul dalam ruang-lingkup yang khusus. Bentuk sebegini memudahkan pembaca untuk memilih fokus mereka terhadap satu-satu topik atau isu seperti 40 hadis tentang kelebihan Saidina Ali, 40 hadis tentang kelebihan jihad, 40 hadis tentang khutbah dan banyak lagi (Rosni Wazir et al., 2020).

Berdasarkan latar belakang inilah maka penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian berkaitan pembentukan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

Penulis kitab ini adalah Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin Marri bin Hasan bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam al-Dimasyqi Asy-Syafi'i (Zulkifli, 2021). Nama akhir beliau yang bergelar Asy-Syafi'i menunjukkan madzhab yang beliau anuti. Memang beliau adalah seorang ulama yang sangat kagum kepada Imam Asy-Syafi'i. Oleh kerana itu, kitab Al-Arba'in An-Nawawiyyah sangat masyhur dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang majoritinya menganut madzhab Syafi'i sehingga membuatkan kitab ini sering menjadi rujukan atau pembahasan utama di kebanyakan pondok, sekolah agama, dan bahkan di intitusi-intitusi agama. Dalam proses penghimpunannya, Imam Nawawi berkomitmen untuk mencantumkan hadis-hadis yang sahih sahaja. Sebagian besar hadis-hadis dalam al-Arba'in an-Nawawi terdapat dalam kitab Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim. Beliau tidak menampilkan sanad secara lengkap, melainkan hanya

menyebut sahabat sahaja. Hal tersebut dilakukan supaya mudah dihafal dan lebih banyak digunakan dalam kalangan umat Islam. Di antara kelebihan dan keistimewaan kitab Al-Arba'in An-Nawawiyah ialah ia mencakupi semua hadis berkaitan kehidupan manusia, hadis-hadisnya pula menjadi asas kepada kaedah agama yang penting serta ia dipelajari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, ramai daripada kalangan ulama' dan cendekiawan Islam yang mensyarahkan kitab ini dan amat masyhur di kalangan ulama' dan orang awam di pelusuk dunia (Zulkifli, 2021).

Ramai para ulama yang mensyarahkan kitab Arba'in Nawawi, di antaranya adalah Syarh al-Arba'in an-Nawawiyah karya Syekh Ibn Daqid al-'Aid, al-Wafi fi Syarh al-Arba'in an-Nawawiyah karya Dr. Mustafa Dieb al-Bugha dan Dr Muhyiddin Mistu, al-Anwar al-Muhammadiyah Syarh al-Arba'in an-Nawawiyah karya Syekh Hisyam al-Kamil, dan masih banyak lagi. Dan kitab Syarah kontemporari yang dijadikan sebagai sokongan dalam kajian ini ialah kitab Syarah Hadis 40 Tatmim al-Kafi karya Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Kitab al-Arba'in Nawawi sangat sesuai dipelajari bagi semua kalangan, terhusus bagi yang belum mendalami ilmu hadis dirayah sehingga tidak perlu susah untuk menelusuri kualiti hadis-hadisnya. Justeru kebanyakan hadis di dalam al-Arba'in Nawawi dinukil dari Shahih al-Bukhari dan Muslim, serta sanad yang tidak disertakan secara lengkap akan memudahkan orang-orang yang hendak menghafalnya.

## 2.6 KAJIAN LEPAS

Sebagaimana diketahui umum, sorotan literatur adalah satu proses rujukan dan kupasan secara terperinci terhadap kajian-kajian yang lepas yang ada kaitannya dengan kajian yang hendak dibuat. Ia tidak lain adalah sebagai kaedah mengenalpasti samada kajian yang hendak dibuat telah dilakukan oleh penyelidik yang lain atau sebaliknya (Nurutthoillah, 2020; Noraini Idris, 2010). Ia juga bertujuan membantu penyelidik mengenalpasti kehendak tajuk dan masalah serta penyelidikan mana yang sesuai dijadikan rujukan dan contoh.

Jika ditinjau kepada kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati sangat kurang kajian yang berkaitan dengan sukarelawan dan kesukarelawanan dalam dakwah terhadap OKU. Hal ini memberi kesan kepada berlakunya keadaan tiada perkembangan yang memuaskan terhadap kesukarelawanan kerana kesan dan implikasinya masih kurang difahami (Azrina Mazlin, 2016; Azizan Bahari, 2011). Selain itu, penyelidik turut

mendapati tiada kajian yang dijalankan bagi memfokuskan hasil gabungan sukarelawan dan ciri-cirinya berdasarkan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Oleh itu, kajian sukarelawan dan kesukarelawanan ini dapat membantu pembentukan ciri-ciri sukarelawan yang akan diimplikasikan terhadap sukarelawan dakwah OKU.

### **2.6.1 SUKARELAWAN**

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji sukarelawan antaranya Normah Awang Noh dan Siti Nurziana (2021) Amalan Pengurusan Pertubuhan Sukarela: Isu Pengekalan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan. Kajian ini melaporkan bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan mendatangkan pelbagai manfaat bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, ketidakaktifan penglibatan generasi muda terutamanya mahasiswa membimbangkan pelbagai pihak. Selain ketidakaktifan, isu pengekalan sukarelawan dalam organisasi juga menjadi satu cabaran terutamanya kepada pihak pengurusan sukarelawan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya krisis sumber tenaga sukarelawan yang menyukarkan pelaksanaan sesuatu program kesukarelawanan. Isu pengekalan sukarelawan dapat dikaitkan dengan pelbagai faktor sama ada disebabkan kewujudan pelbagai halangan ataupun disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan pertubuhan sukarela itu sendiri. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji apakah amalan-amalan pengurusan pertubuhan sukarela dalam memastikan pengekalan atau komitmen sukarelawan bagi jangka masa yang lama. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik melalui online survey yang disediakan melalui google form. Seramai 50 orang mahasiswa yang menganggotai persatuan Sukarelawan Siswa UNISZA (PERSIS) telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26. Amalan pengurusan sukarela dilihat daripada enam aspek iaitu melibatkan skop kerja, perancangan dan penyusunan program yang baik, sokongan dan motivasi pihak pengurusan, pembahagian tugas yang bersesuaian, penghargaan dan pengiktirafan serta pemberian autonomi kepada sukarelawan. Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar responden bersetuju (>80%) bahawa aspek tersebut perlu diberi perhatian oleh pengurusan sukarelawan bagi memastikan pengekalan sukarelawan dalam aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu, kajian ini dapat memberi panduan kepada organisasi dan sukarelawan dalam menguruskan kerja-kerja yang dijalankan.

Kajian Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur oleh Siti Nathrah Che Fazilah dan Fuziah Shaffie (2020) bertujuan melihat enam (6) faktor motivasi sukarelawan yang dinyatakan dalam Volunteer Function Inventory (VFI) iaitu nilai, pemahaman, perlindungan, kerjaya, sosial dan juga peningkatan. Dengan adanya motivasi ini, sukarelawan dapat mengenalpasti faktor ataupun penyebab yang boleh merangsang sukarelawan dalam menggerak dan mengarah hala tuju dalam menjalankan kerja sukarela. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan kerja sukarela termasuklah kepercayaan dan keyakinan diri sukarelawan, pengaruh persekitaran, kemahiran, niat dan dasar kerajaan. Kajian lepas ini menghuraikan faktor-faktor yang dapat memotivasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan dan menyingkap strategi serta membantu pelbagai pihak termasuklah pihak kerajaan serta badan bukan kerajaan dalam usaha untuk mengatur strategi dalam memotivasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan. Maka kajian ini turut membantu penyelidik mengenalpasti elemen penting dalam pembentukan ciri-ciri iaitu motivasi dalam diri sukarelawan dakwah OKU.

Seterusnya kajian terhadap Keyakinan Diri Dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Melalui Penglibatan Aktiviti Kesukarelawanan Keyakinan diri dan kemahiran insaniah merupakan aspek penting dalam transisi kehidupan mahasiswa (Saqinah & Noremy Md Akhir, 2020) dijalankan. Penyelidik telah mengkaji keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan, mengukur tahap keyakinan diri dan tahap kemahiran insaniah mahasiswa disamping mengkaji perbezaan keyakinan diri dan kemahiran insaniah di antara mahasiswa yang terlibat dengan kesukarelawanan dan yang tidak terlibat. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan merupakan kajian berbentuk survey. Borang soal selidik Self-Confidence Questionnaire (SCQ) dan Kemahiran Insaniah diedarkan kepada 269 orang pelajar tahun akhir Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for the Sosial Sciences (SPSS). Hasil kajian mendapati seramai 223 orang mahasiswa (82.9%) mengikuti aktiviti kesukarelawanan manakala 46 orang mahasiswa (17.1%) tidak pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah mahasiswa dan seterusnya mengubah perspektif majikan terhadap golongan graduan agar dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dan ekonomi negara. Penyelidik berpendapat kajian

ini dapat menyumbang kepada pembentukan ciri-ciri sukarelawan dakwah OKU dalam merealisasikan individu yang berkeyakinan dan berkemahiran dalam aktiviti kesukarelawan.

Selain itu, kajian yang oleh Siti Rahmah et al. (2019) Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). Kajian menerangkan bahawa Orang Kurang Upaya (OKU) adalah antara golongan yang sering dikaitkan dengan isu dan perbincangan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan taklif dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Bertitik tolak dari sini, inisiatif untuk menilai semula keperluan spiritual dalam kalangan OKU telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di bawah Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di samping memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap konsep taklif dalam kalangan OKU. Objektif kajian ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman UMMI mengenalpasti isu-isu berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan menjelaskan peranan UMMI dalam usaha memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran disamping menangani isu tuntutan beragama dikalangan mereka. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menjadikan protokol analisis dokumen dan protokol temu bual untuk mengumpulkan data. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud keperluan yang tinggi terutamanya bagi Universiti Awam (UA) ke arah solidariti dan aksesibiliti OKU untuk menghayati kemukjizatan al-Quran dan konsep indahnyanya hidup beragama. Usaha murni ini juga dilihat bertepatan dengan hasrat USIM sebagai 'kampus barakah' dan pusat rujukan global bagi Integrasi Ilmu Naqli dan 'Aqli menjelang tahun 2025. Maka, kajian lepas ini juga bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan menjelaskan peranan UMMI dalam usaha memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran disamping menangani isu tuntutan beragama dikalangan mereka. Jelas menunjukkan bahawa wujud keperluan yang tinggi terutamanya bagi Universiti Awam (UA) terutamanya melalui sukarelawan daripada mahasiswa ke arah solidariti dan aksesibiliti OKU untuk menghayati kemukjizatan al-Quran dan konsep indahnyanya hidup beragama. Oleh itu, usaha untuk mewujudkan sukarelawan dakwah OKU perlu disokong dan didokong sepenuhnya bagi merealisasikan hasrat tersebut. Kajian ini menyokong usaha penyelidik menggabungkan ciri-ciri sukarelawan sedia ada (Aqli) dengan ciri yang terdapat dalam Kitab Hadis 40 Imam Nawawi (Naqli).

## 2.6.2 KESUKARELAWANAN

Kajian seterusnya dijalankan oleh Nor Shafikah Mukhtar dan Norlaile Salleh Hudin (2021) Pembinaan Kerangka Aktiviti Kesukarelawan Yang Berkesan Oleh Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus, Johor Bahru, Johor. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka faktor pelaksanaan, kesan dan cabaran aktiviti kesukarelawan yang berkesan oleh mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian kualitatif ini dilakukan ke atas responden seramai lima orang mahasiswa “Kelab Volunteer” di UTM yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan ialah temubual bersemuka. Data temubual telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik di mana temubual ditranskrip secara verbatim dan dikodkan untuk mengenalpasti tema-tema. Kajian ini mendapati majoriti mahasiswa “Kelab Volunteer” di UTM melaksanakan aktiviti kesukarelawan ini untuk mendapatkan mata jam kredit di dalam markah kokurikulum dan juga mengikut rakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti kesukarelawan berupaya untuk meningkatkan nama sesebuah universiti tersebut dan membina hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling. Cabaran pelaksanaan aktiviti kesukarelawan ialah bilangan mahasiswa “Kelab Volunteer” di UTM yang sedikit di setiap program menghadkan aktiviti kesukarelawan. Penyelidik mendapati kajian ini menekankan peranan pendidikan ke arah memahami matlamat sebenar aktiviti kesukarelawan demi mengimbangi ekonomi dan manfaat sosial masyarakat. Penyelidik dapat memanfaatkan hasil kajian ini dalam merangka pembentukan ciri-ciri sukarelawan dakwah OKU sekaligus menggalakkan amalan kesukarelawan secara meluas untuk tujuan yang lebih baik.

Terdapat juga kajian yang mengkaji tentang Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Ke Arah Memperkasakan Nilai Insaniah oleh Mohamad Basri Jamal et al. (2021). Kajian menjelaskan berkaitan program Kesukarelawan yang bertujuan memberi pendedahan serta latihan kepada mahasiswa bagi meningkatkan kemahiran insaniah, jati diri dan tahap keperihatinan mahasiswa terhadap persekitaran mereka. Menyedari pentingnya pendidikan kesukarelawan dalam diri mahasiswa dapat memupuk nilai-nilai murni terhadap masyarakat selaras dengan hasrat KPM untuk merakyatkan universiti, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan aktiviti dan pendidikan kesukarelawan dalam meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa Universiti Pendidikan

Sultan Idris. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temubual, kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini. Pertama, meningkatkan kefahaman berkenaan definisi sukarela, sukarelawan dan kesukarelawan. Kedua, membincangkan bagaimana aktiviti kesukarelawan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa. Ketiga, mengenalpasti kerelevanan pendidikan kesukarelawan terhadap masa depan mahasiswa. Hasil kajian mendapati melalui pendidikan dan aktiviti kesukarelawan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina hubungan dan kemahiran kerja berpasukan. Oleh yang demikian, kajian ini memberi kefahaman kepada penyelidik tentang kepentingan memupuk sikap saling membantu sesama manusia, tolong menolong, kasih sayang, ikhlas dan menguatkan jati diri setiap individu yang menjadi sukarelawan dakwah OKU.

Di samping itu, antara kajian lepas yang lain ialah Tharshini et al. (2019) *Pembudayaan Kesukarelawan Dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistematik*. Kajian ini memberi ulasan sistematik pembudayaan kesukarelawan dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan faktor pemangkin yang mendorong pembudayaan kesukarelawan dalam kalangan masyarakat. Keputusan kajian lepas ini menunjukkan bahawa faktor keperluan psikologi, faktor keperluan mendapatkan pengiktirafan dan ganjaran serta faktor pegangan agama menyumbang ke arah pembudayaan kesukarelawan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, hasil kajian lepas ini memberi implikasi terhadap keperluan pihak berkepentingan mengenai kepentingan budaya kesukarelawan dalam usaha mencetus transformasi sosial serta mewujudkan anggota masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri. Oleh itu, kajian ini menjadi penyumbang utama kepada pembentukan ciri-ciri sukarelawan berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

Seterusnya kajian tentang Realiti Cabaran Pendakwah Terhadap Orang Kurang Upaya Penglihatan oleh Mohamad Adib et al. (2017) telah menjelaskan bahawa golongan pendakwah adalah yang memiliki kualiti peribadi yang unggul, kualiti keilmuan. Sebagai seorang pendakwah, mereka perlu mempersiapkan diri dengan menguasai sejumlah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan mesej dakwah dan mengetahui situasi sasaran dakwah. Sasaran dakwah seperti golongan orang muda, orang tua, orang asli, muallaf, remaja yang rosak akhlak dan orang bukan Islam adalah golongan yang wajib didakwahkan. Golongan di atas memerlukan pendekatan yang berbeza dalam memahami

agama Islam. Maka kaedah dan strategi yang betul dan berkesan adalah amat penting semasa berdakwah. Walaubagaimanapun, hasil penelitian mendapati pendakwah jarang melibatkan diri dengan aktiviti dakwah kepada golongan OKU kerana kesukaran mereka menerima mesej dakwah, hanya segelintir yang ingin melibatkan diri untuk berdakwah kepada OKU. Ini kerana golongan OKU adalah golongan yang wajib didakwahkan kerana mereka juga tergolong dalam orang dipertanggungjawabkan hal-hal agama dalam kehidupan mereka seperti mana orang yang normal. OKU juga terdiri dari pelbagai kategori yang memerlukan pendekatan yang berbeza semasa berdakwah. Bukan hanya satu kaedah yang digunakan kepada mereka, dan sudah pasti ianya berbeza. Oleh itu, OKU seperti cacat penglihatan, pendengaran, cacat fizikal, kekurangan bertutur dan berfikir sangat memerlukan satu kaedah atau modul yang berkesan untuk menerima ilmu-ilmu agama dengan pendekatan yang lebih inovasi dan kreatif. Dalam kajian ini, penyelidik akan memfokuskan pendekatan metodologi dakwah kepada OKU penglihatan. Kajian ini mengumpulkan permasalahan yang berkaitan metodologi dakwah supaya ia lebih menjurus kepada permasalahan kajian. Justeru, penyelidik melihat bahawa pembangunan kerangka ciri-ciri sukarelawan dakwah OKU ini sangat perlu dijalankan bagi membantu penyampaian dakwah yang berkesan terhadap OKU yang pelbagai.

### **2.6.3 HADIS 40 IMAM NAWAWI**

Kajian berkaitan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dijalankan oleh Muhammad Naqib Rofae et al. (2023) bertajuk Pengajian Hadis 40 Melalui Saluran Youtube Oleh Dr Rozaimi Ramle. Pengajian hadis 40 karangan Imam An-Nawawi tidak asing lagi di Malaysia, banyak majlis bacaan hadis 40 yang dianjurkan di negara ini sama ada berbentuk kuliah bersiri atau daurah bersanad. Tambahan lagi, pelbagai medium pengajaran dan pembelajaran hadis yang diperkenalkan kepada umat Islam di Malaysia. Antaranya, pengajaran hadis secara bersemuka seperti di masjid, surau dan universiti serta secara di atas talian melalui media sosial seperti YouTube, Facebook dan sebagainya. Disamping itu, kemudahan medium yang terdapat pada masa kini mampu memberikan impak yang baik dari segi pembangunan insaniah dan intelektual dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Namun, medium ini secara umumnya tidak dapat dipastikan ia menyediakan kandungan yang berkualiti ataupun tidak. Misalannya, dari segi mensyarahkan hadis sesetengah penceramah tidak menghuraikan sesuatu hadis itu mengikut disiplin ilmu yang betul. Ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengajian hadis 40 karangan Imam An-nawawi yang disampaikan oleh Dr Rozaimi Ramle. Jenis kaedah

yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada golongan agamawan di Malaysia dalam mensyarahkan hadis terutamanya hadis 40. Kesimpulannya, kewujudan platform YouTube ini mampu untuk membantu kita dalam membuat analisis terhadap kaedah penyampaian yang digunakan dalam syarahan mereka dengan lebih mudah. Justeru, harapan kajian ini dapat memberi manfaat kepada golongan agamawan dalam mensyarahkan hadis dengan kaedah yang benar.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Nazirah Hamdan dan Noor Ain Mohd Noor (2022) yang bertajuk Pendidikan Akhlak Kepada Manusia Berdasarkan Kitab Hadis 40: Satu Kajian Analisis. Kajian ini menyatakan Pendidikan Islam khususnya dalam hal yang berkaitan akhlak adalah penting untuk difahami dengan sebaiknya bagi setiap muslim. Sumber rujukan utama umat Islam mengenai akhlak iaitu al-Quran dan al-Hadis. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah aspek akhlak kepada manusia yang terkandung dalam Kitab Hadis Empat Puluh (KHEP) karangan Imam al-Nawawi. Bentuk metodologi yang digunakan ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks hadis. Pengkaji menggunakan perisian N'vivo 7.0 untuk menganalisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sebelas ciri akhlak yang diajarkan oleh baginda Nabi ﷺ kepada manusia iaitu adil, berakhlak baik, tidak menyakiti orang lain, memberi nasihat, membuang rintangan di jalan, memuliakan orang lain, mengasihi seislam, tolong-menolong, tidak memusuhi wali Allah, taat pada pemimpin dan zuhud. Oleh yang demikian, kajian ini memberi kefahaman kepada penyelidik tentang kepentingan kitab Hadis 40 Imam Nawawi menjadi sumber asas kepada kajian yang dilakukan.

Selain itu, kajian lepas yang lain antaranya ialah Penulisan Dan Pengumpulan Karya Hadis 40 Oleh Ulama Alam Melayu dikaji oleh Rosni Wazir et al. (2020). Penyusunan karya berbentuk al-Arbain (Hadis 40) ini mendapat perhatian yang luar biasa di kalangan masyarakat Islam sehingga bilangannya tidak mampu ditentukan secara jelas dan tepat. Inilah isyarat yang dapat difahami daripada kata-kata al-Nawawi di dalam mukaddimah al-Arbainnya : “Ulama telah menyusun berkaitan bab ini banyak karya yang tidak mampu ditentukan bilangannya...”. Ia bukan sahaja sangat banyak bilangannya, bahkan berbeza-bebeza pendekatan dan tumpuannya menjadikan ia sangat menarik untuk dikaji. Fenomena ini turut menempias kepada ulama-ulama yang berasal dari Alam Melayu atau Nusantara. Mereka juga turut menyumbang kepada semaraknya penulisan

Hadith 40 di dalam bentuk dan bahasa yang sesuai dengan budaya masyarakat setempat. Penulisan ini akan menyoroti karya-karya hadis 40 dalam bahasa Melayu-Jawi ini dan menumpukan kepada metodologi, kecenderungan serta ciri-ciri yang ada padanya. Justeru, pengkaji melihat ini sebagai ruang dan peluang untuk dijadikan kitab Hadis 40 Imam Nawawi dalam merekabentuk Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU.

Di samping itu, antara kajian lepas yang lain ialah Nazirah Hamdan dan Kamarul Azmi Jasmi (2013) bertajuk Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah ﷺ Dari Perspektif Pemikiran Imam Al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh. Kajian ini menjalankan kajian metodologi atau kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang guru khususnya guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka merupakan aspek yang amat penting bagi memastikan sesuatu P&P itu berjaya. Rentetan itu, sebelum memulakan sesi P&P guru Pendidikan Islam perlu peka, membuat analisis tentang latar belakang pelajar, serta bijak untuk memilih apakah bentuk metodologi yang sesuai untuk digunakan agar pengajaran mereka dapat di terima dan di fahami oleh para pelajar. Jika dilihat dari aspek Pendidikan Islam itu sendiri, sudah pasti model yang tepat untuk dijadikan rujukan adalah Rasulullah ﷺ kerana baginda adalah guru yang terbaik bagi semua umat manusia. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas bentuk-bentuk metodologi atau kaedah pengajaran yang digunakan oleh Baginda menurut perspektif pemikiran imam al-Nawawi dalam kitab himpunan hadis empat puluh. Justeru itu, secara tidak langsung pengajaran yang berasaskan metodologi Rasulullah ﷺ menerusi kitab Hadis 40 Imam Nawawi menjadikan penyelidik merasakan kajian ini selari dengan pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU yang dijalankan.

Seterusnya kajian tentang Kurikulum Akidah Dalam Hadis Empat Puluh Himpunan Imam Al-Nawawi: Satu Kajian Teks oleh Nazirah Hamdan dan Kamarul Azmi Jasmi (2011) telah mengupas mengupas hasil kajian analisis kandungan kitab hadis empat puluh (KHEP) yang telah dihimpunkan serta disusun oleh imam al-Nawawi. Penulis menggunakan perisian N'Vivo 7.0 dalam usaha menganalisis verbatim hadis KHEP dengan menfokuskan elemen pendidikan akidah dari aspek kurikulum. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara penting yang ditekankan dalam perbincangan kurikulum akidah dalam KHEP ini, iaitu hal yang berkaitan rukun iman, rukun Islam, dan perkara yang membatalkan akidah dengan setiap bahagian pula mempunyai cabang-cabangnya. Sehubungan itu, dapatan kajian ini menghasilkan model asas pembentukan

keperibadian yang dipanggil Modul Kurikulum Akidah Menurut Paradigma Imam al-Nawawi. Model ini boleh di jadikan sebagai pedoman asas dalam kehidupan seorang muslim. Oleh yang demikian, menjadi keutamaan juga kepada kajian pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU yang mengambil kitab Hadis 40 Imam Nawawi sebagai rujukan asas yang mana memfokuskan kepada pembentukan sukarelawan dalam dunia dakwah OKU.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaporkan berkaitan sukarelawan, kesukarelawan dan hadis 40 Imam Nawawi di atas (Muhammad Naqib Rofae et al., 2023; Nazirah Hamdan & Noor Ain Mohd Noor, 2022; Normah Awang Noh & Siti Nurziana, 2021; Nor Shafikah Mukhtar & Norlaile Salleh Hudin, 2021; Mohamad Basri Jamal et al., 2021; Rosni Wazir et al., 2020; Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie, 2020; Saqinah & Noremy Md Akhir, 2020; Tharshini et al., 2019; Siti Rahmah et al., 2019; Mohamad Adib et al., 2017; Azrina Mazlin, 2016; Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi, 2013; Azizan Bahari, 2011; Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi, 2011) penyelidik mendapati tiada kajian berkaitan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dijalankan. Oleh itu, penyelidik merasakan pentingnya kajian ini dijalankan bagi membantu OKU hidup beragama dan bersyariat.

## **2.7 KESIMPULAN**

Bab ini menguraikan beberapa kajian yang membahas faktor-faktor yang terkait dengan objektif kajian ini. Dalam bab ini, definisi konsep sukarela yang merangkumi definisi sukarelawan dan kesukarelawan dijelaskan, penelitian terhadap jenis-jenis aktiviti kesukarelawan dibincangkan dan juga kepentingan sukarelawan dakwah OKU turut dibahas. Di samping itu, pembacaan literatur terhadap latar belakang kitab Hadis 40 juga dijelaskan. Selain itu, beberapa kajian lepas tentang kajian kesukarelawan, sukarelawan dakwah khususnya terhadap OKU turut dibincangkan secara ringkas bagi melihat perbandingan kajian ini dengan kajian yang lalu. Diharapkan kajian literatur ini dapat membantu pembaca memahami latar belakang kajian yang dijalankan dengan lebih jelas.